



SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2019



YB Mulia Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyempurnakan perasmian Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2019 di Stadium Indra Mulia, Ipoh Perak pada 26 Januari 2019 yang lalu.

Sambutan yang bertemakan "Tandas Bersih, Komuniti Sihat" ini telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula dari 24 hingga 26 Januari 2019. Dianggarkan lebih empat ribu orang peserta yang terdiri daripada Pegawai-pejawai teknikal PBT, agensi-agensi kerajaan, pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah, pemilik-pemilik restoran, pengusaha stesen minyak, pihak swasta dan NGO dari seluruh daerah Kinta terlibat dalam sambutan kali ini.

Sepanjang tiga hari sambutan, pelbagai aktiviti atau program menarik telah disusun seperti penganjuran Persidangan Kesihatan Persekutaran, pameran, *explorace game*, lawatan ke model tandas bersih dan permainan interaktif. Selain itu turut diadakan sekali pelancaran aplikasi MyWC. Aplikasi ini dibangunkan dengan tujuan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat carian tandas awam berdasarkan *star rating*, berbayar atau percuma, kemudahan-kemudahan yang tersedia seperti tandas OKU, bilik tukar lampin bayi dan banyak lagi.

Satu Persidangan Kesihatan Persekutaran turut dianjurkan bersempena dengan sambutan kali ini dan telah berlangsung selama dua hari (24-25 Januari) melibatkan seramai 700 orang yang terdiri daripada pegawai teknikal PBT, agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, IPTA/IPTS, pihak swasta dan NGO. Persidangan ini melibatkan pertumbangan 11 kertas kerja oleh pakar yang berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan disambut sebagai satu tanda peringatan kepentingan kebersihan tandas dalam kehidupan manusia. Disamping menanam semangat cintakan tandas, sambutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepentingan menyelenggara tandas supaya sentiasa berada dalam keadaan baik.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat